

17 AUG 1999

Sanusi-JKKK

SANUSI MAHU JKKK UBAH TUGAS MEREKA

SUNGAI PETANI, 17 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid meminta anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) negeri ini mengubah tugas harian mereka agar dapat membantu kerajaan memerangi fitnah yang ditaburkan pihak tertentu dengan lebih berkesan.

Beliau berkata tugas JKKK sebagai 'tukang lapor' mengenai sesuatu aktiviti politik, ekonomi dan sosial di kawasan mereka seperti amalan sekarang melambatkan usaha kerajaan untuk menjelaskan fakta sebenar kepada rakyat.

"Kita mahu JKKK bertindak sendiri untuk memberi penjelasan kepada rakyat bagi membersihkan imej kerajaan dan pemimpin yang tercemar kerana fitnah yang disebar oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya pada majlis perjumpaan dengan lebih 2,000 anggota JKKK di dewan Institut Kemahiran Mara di sini hari ini.

Katanya anggota JKKK perlu berbuat demikian kerana kedudukan mereka lebih dekat dengan peringkat akar umbi dan penjelasan mereka mudah diterima oleh rakyat.

Sanusi mencadangkan agar JKKK melancarkan program penerangan secara besar-besaran di peringkat akar umbi bagi tujuan itu.

Beliau berkata sebenarnya mereka yang menyebarkan fitnah terhadap pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mampu menilai keupayaan pemimpin negara.

"Mereka tidak sepatutnya berbuat demikian kerana seluruh pemimpin dan masyarakat Islam di luar negara menghormati pemimpin negara kita terutama Perdana Menteri," katanya.

Katanya pemimpin pembangkang tidak pernah memberi sumbangan positif untuk membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat.

"Sebaliknya mereka hanya sanggup melakukan tindakan bertentangan dengan etika kemanusiaan dan tuntutan agama bagi mencapai cita-cita untuk menang dalam pilihan raya," kata Sanusi.

-- BERNAMA

KMA MAI